

07/10/2001

TNB akui gangguan bekalan di PWTC

KUALA LUMPUR: TNB Distribution Sdn Bhd mengakui berlakunya gangguan bekalan elektrik di sebahagian kompleks Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, jam 5.30 petang kelmarin.

Berikutan gangguan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) terpaksa menuruni tangga dari tingkat 38 PWTC bersama pemimpin parti komponen BN lain berikutan lif bangunan itu tidak berfungsi.

Ketua Pegawai Operasi (Metropolitan), Aishah Datuk Abdul Rauf, berkata gangguan bekalan elektrik di PWTC kembali pulih sekitar jam 7.10 petang itu selepas dibaik pulih oleh pihak pengurusan bangunan yang mengendalikan bahagian operasi dan penyelenggaraan terhadap sistem elektrik dalaman PWTC.

(END)